

Academy of Language Studies  
UiTM Cawangan Pulau Pinang

SEPTEMBER  
2024

# e-Lingua

3/2024



✓ <a href="#">Chief Editor's Desk</a>	2
✓ <a href="#">News &amp; Reports</a>	7
✓ <a href="#">Language Club News &amp; Reports</a>	16
✓ <a href="#">Image &amp; Lifestyle</a>	44
✓ <a href="#">Pet Lovers' Central</a>	70
✓ <a href="#">Lecturer's Contribution</a>	93
✓ <a href="#">Creative Corner</a>	119
✓ <a href="#">The Team</a>	131



# **News & Reports**

**Tale-Tweaking Tool (TTT)**  
**Shines at iTAC 2024**

**8**

**Projek Rakaman Suara**

**11**

**Bola Jaring @ KeSUTRA 2024**

**13**

**TOT USM ke-47**

**15**



Kejohanan Sukan Utara UiTM (KeSUTRA) 2024 telah diadakan pada 29 dan 30 Jun 2024 bertempat di kampus UiTM Cawangan Pulau Pinang. Kejohanan ini adalah yang pertama diadakan pada tahun ini. Berikutnya Kejohanan Sukan Staf (KARISTA) akan diadakan dua tahun sekali bermula tahun ini, UiTMCPP mengambil inisiatif untuk mengadakan kejohanan sukan yang hanya melibatkan kampus cawangan Utara, iaitu KeSUTRA.

Kejohanan ini melibatkan seramai 464 orang atlet dari kampus cawangan UiTM di Utara Malaysia, iaitu Pulau Pinang, Kedah, Perak, dan Perlis. Sebanyak 10 jenis sukan telah dipertandingkan dalam kejohanan ini, termasuk bola jaring. Antara sukan lain yang turut dipertandingkan adalah bola tampar, badminton, dan golf.



## Bola Jaring @ KeSUTRA 2024

oleh Norhafizah Abdul Halil & Syahirah Ramli





Dalam sukan bola jaring, hanya tiga kampus yang bertanding, iaitu UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kedah, dan Perlis. Perlawanan yang berlangsung pada 29 Jun 2024 telah diadakan pada sebelah malam di gelanggang bola jaring Kolej Baiduri, UiTMCPP. Dengan kekuatan 12 orang staf, pasukan bola jaring UiTMCPP berjaya merangkul naib johan untuk edisi pertama ini. Johan dimenangi oleh UiTM Perlis, manakala tempat ketiga disandang oleh UiTM Kedah. Walaupun tidak berjaya meraih tempat pertama, pasukan bola jaring UiTMCPP percaya bahawa KeSUTRA ini memberikan semangat dan persediaan yang baik untuk menghadapi KARISTA yang akan berlangsung pada Februari tahun depan di UiTM Perlis. Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan terdapat kekecewaan dalam kalangan pasukan bola jaring UiTMCPP kerana gagal menewaskan musuh tradisi, iaitu UiTM Cawangan Perlis. Selain itu, pada tahun ini, pasukan bola jaring UiTMCPP telah berjaya menambah beberapa pemain baru dalam kalangan staf untuk memperkuatkan pasukan. Diharapkan impian untuk menjadi juara KARISTA tahun hadapan akan menjadi kenyataan.

Secara keseluruhan, UiTMCPP berjaya merangkul gelaran juara keseluruhan dengan meraih 4 kejuaraan, 3 naib juara, dan 3 tempat ketiga. Diharapkan kejohanan seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi memupuk semangat kesukanan dan secara tidak langsung, memastikan staf-staf lebih peka terhadap tahap kesihatan masing-masing. Jumpa lagi di edisi KeSUTRA tahun hadapan.

